

Kedudukan Zaharah tidak terjejas — PM

UM 11 MAY 2000

KUALA LUMPUR 10 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kekalahan Datuk Dr. Siti Zaharah Sulaiman dalam perebutan jawatan Ketua Pergerakan Wanita UMNO tidak akan menjejaskan kedudukannya dalam kabinet.

Kata beliau, keputusan itu tiada kaitan dengan kabinet memandangkan ia hanya membabitkan soalparti.

“Apa kaitannya dengan kabinet. Kabinet, kabinetlah. Kami bukan kabinet. Kami cuma Majlis Tertinggi (MT) UMNO.

“Kedudukannya tiada kaitan dengan keputusan pemilihan ini,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Ibu Pejabat UMNO di sini malam ini.

Mesyuarat itu membincangkan persediaan pemilihan dan Perhimpunan Agung UMNO ke-54, esok.

Presiden UMNO ditanya sama ada kegagalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat memper-tahankan jawatan dalam Pergerakan Wanita UMNO akan

menjejaskan pula kedudukannya dalam kerajaan.

Datuk Seri Rafidah Aziz selaku Ketua Pergerakan Wanita yang baru turut hadir pada mesyuarat MT itu yang diadakan sejam selepas pengumuman kemenangannya dibuat.

Ditanya pandangan beliau mengenai kemenangan Rafidah. Dr. Mahathir berkata: “Saya ucapkan tahniah dan mengalu-alukan kombinasi antara Rafidah dengan (Datuk) Shahrizat Abdul Jalil.”

Perdana Menteri juga mengalu-alukan kemenangan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Naib Ketua Pemuda, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir.

Dr. Mahathir menyeru semua pemimpin UMNO merapatkan semula barisan, bekerja kuat dan berusaha menjayakan agenda parti.

Pada sidang akhbar yang sama, beliau turut menerangkan mengenai penetapan enam orang pembahas bagi setiap usul pada Perhimpunan Agung UMNO untuk membolehkan semua isu yang dibangkitkan oleh para perwakilan dijawab oleh ahli-ahli MT.

Sementara itu, Rafidah ketika ditemui selepas mesyuarat MT itu ditanya mengenai kedudukan Dr. Siti Zaharah dalam Wanita UMNO. Katanya, beliau belum memikirkannya lagi.

Pada tahun 1984, setelah menang pertandingan Ketua Wanita pada tahun tersebut, beliau telah melantik pencabarnya Datin Paduka Zaleha Ismail sebagai Ketua Penerangan Wanita UMNO.

Rafidah menjelaskan: “Saya belum jumpa dia (Dr. Siti Zaharah) lagi. Masa pengumuman keputusan tadi, dia tidak ada dalam dewan.”

Disoal lagi, adakah beliau bersedia melantik Dr. Siti Zaharah ke mana-mana jawatan dalam Wanita UMNO?

Jawab Rafidah: “Saya tidak kisah tetapi saya akan bincang dengan Shahrizat.”

Beliau menolak anggapan bahawa kemenangannya ke atas Dr. Siti Zaharah dengan majoriti 12 undi sebagai satu kedudukan politik yang tidak stabil.

“Pada pendapat saya, kalau menang satu undi pun, ia adalah kemenangan. Saya diberi mandat untuk bekerja.”